

Perlindungan Praakad dalam Undang-Undang Kontrak Islam

SHOFIAN AHMAD

Abstrak

Perlindungan terhadap pihak berakad dalam undang-undang kontrak Islam bermula seawal peringkat pembentukan sesuatu akad. Matlamat perlindungan di peringkat awal ini ialah untuk mempastikan pihak berakad tidak melakukan kontrak yang dianggap sia-sia serta tidak berasas. Kajian ini bertujuan mengkaji bentuk-bentuk perlindungan di peringkat pra pembentukan akad yang ditawarkan dalam undang-undang kontrak Islam terhadap pihak berakad. Untuk itu, kajian ini menumpukan kepada syarat-syarat yang telah dibincangkan oleh ahli fikah berkenaan pembentukan akad. Kajian ini juga melihat secara perbandingan dengan peruntukan yang terdapat dalam Akta Kontrak Malaysia 1950 mengenai perlindungan di peringkat praakad. Secara umumnya perlindungan praakad yang terdapat dalam undang-undang kontrak Islam lebih komprehensif dalam melindungi pihak berakad.

Pre-contract Protection in the Islamic Law of Contract

Abstract

The protection towards the contracting parties in the Islamic law of contract extends as early as at the formulation of contract. The objective of this protection is to avoid the contracting parties from making any unlawful contracts leading to be useless and baseless. This study aims at examining the protection at the pre-contract stage in the Islamic law of contract. Thus, this study focuses on the characteristics of the protection as discussed by the Muslim jurists. Furthermore, it compares the protection with the similar provision in the Malaysian Contract Act 1950. In general, the pre-contract protection in Islamic law of contract seems more comprehensive in protecting the contracting parties.

1. PENDAHULUAN

Menurut *Kamus Dewan* (1994), pra dari segi bahasa bermaksud sebelum atau terlebih dahulu. Kedua-dua maksud tersebut tidak memperlihatkan perbezaan makna yang besar, sebaliknya memperlihatkan kesepakatan makna ‘sebelum’. Justeru, pra akad dalam kajian ini boleh dimaksudkan sebagai sebelum akad, iaitu

sebelum terbentuk sesebuah akad yang sah dan membawa kesan-kesannya. Perlindungan pra akad dalam undang-undang kontrak Islam menekankan syarat-syarat tertentu yang mestilah dipenuhi bagi membentuk akad berkenaan. Syarat-syarat tersebut dikenali sebagai syarat-syarat pembentukan (*shurūt al-'in'iqād*) kekurangan atau ketiadaan syarat-syarat tersebut menyebabkan akad tidak dianggap terbentuk atau dikatakan sebagai batal (Müsā 1987). Penetapan syarat-syarat pembentukan ini jelas bertujuan melindungi pihak-pihak berakad di peringkat awal sebelum terbentuknya sesebuah kontrak dan membawa kesan-kesan tertentu kepada pihak berakad. Adalah amat penting mempastikan hukum sesuatu akad terbentuk atau sebaliknya, kerana status tersebut bakal membawa implikasi yang besar terhadap kontrak berkenaan dari segi hak dan tanggungjawab.

Pihak-pihak berakad pula terdiri daripada pihak yang membuat tawaran (*mūjib*) dan pihak yang menerima tawaran (*qābil*). Dalam kontrak jualan barang, mereka dikenali sebagai penjual dan pembeli. Pihak pembeli juga dikenali sebagai pengguna dalam kontrak tersebut. Ini kerana maksud pengguna dalam kontrak jualan barang hanyalah mereka yang membeli dan menggunakan barang tersebut. Mereka bukanlah pembeli yang tidak mengguna¹ atau pengguna yang tidak membeli.² Hal tersebut telah diperjelaskan lagi dalam Akta Perlindungan Pengguna 1999, di mana seksyen 3(1) Akta tersebut mendefinisikan pengguna sebagai mereka yang memperoleh atau menggunakan barang atau perkhidmatan daripada jenis yang pada lazimnya diperolehi bagi maksud kegunaan diri sendiri dan isi rumah. Pengguna bukanlah mereka yang tidak memperoleh atau menggunakan barang tersebut sama sekali, atau mengemukakan dirinya sebagai memperoleh atau menggunakan barang tersebut tetapi bukan bagi maksud kegunaan diri sendiri atau isirumah, sebaliknya untuk tujuan lain.

Jualan barang pula merupakan sejenis kontrak yang berbentuk pertukaran seperti jualbeli yang melibatkan kewajipan dua hala antara penjual dan pembeli. Walau bagaimanapun untuk tujuan kajian, hanya kewajipan sehala iaitu kewajipan penjual terhadap pembeli akan ditumpukan. Ini kerana memandangkan kedudukan pembeli dan pengguna yang lemah dan sering terdedah dengan pelbagai bentuk penyelewengan dalam kontrak jualan barang. Justeru, logiknya mereka perlu diberi lebih perlindungan dan perhatian bagi mengimbangi kedudukan mereka dengan pihak penjual yang lebih kuat. Seksyen 4(1) Akta Jualan Barang 1957, ketika menjelaskan maksud kontrak jualan barang, telah menjelaskan secara khusus tanggungjawab pihak penjual

kepada pembeli iaitu persetujuan memindahkan barang-barang kepada pembeli bagi satu harga pertukaran.

2. BENTUK-BENTUK PERLINDUNGAN PRA AKAD TERHADAP PIHAK YANG BERAKAD DALAM ISLAM

Pihak-pihak yang berakad membawa motif dan peranan yang berbeza mengikut jenis akad yang dilakukan. Dalam akad jualan barang, motif pihak pembeli atau pengguna ialah untuk mendapatkan barang bagi kegunaan mereka melalui pertukaran yang dapat memberi kepuasan maksimum. Untuk itu, mereka akan menentukan mutu (kualiti) barang yang akan digunakan dan jumlahnya (kuantiti) (Siti Rohani 1985). Manakala motif penjual atau pengeluar pula berusaha memaksimumkan keuntungan daripada penjualan barangannya dengan merancang strategi-strategi pengeluaran dan penawaran yang menarik kepada pembeli. Perbezaan matlamat antara pihak-pihak yang berakad ini seringkali menjadi kelebihan kepada pihak yang kuat untuk mengambil kesempatan terhadap pihak yang lemah. Pihak penjual sememangnya sentiasa berusaha mendapatkan keuntungan daripada penjualan barangan mereka, sebaliknya pihak pembeli dan pengguna lebih bergantung keperluan bahkan kepercayaan mereka terhadap barang yang ditawarkan oleh penjual.

Justeru, amat wajar terdapat usaha untuk mengimbangi semula kedudukan tersebut bermula seawal peringkat pembentukan supaya keadilan serta kepentingan pihak yang lemah tidak terabai dalam akad. Untuk tujuan tersebut, artikel ini akan menumpukan perbincangannya terhadap usaha-usaha melindungi pihak-pihak berakad di peringkat pra akad dalam undang-undang kontrak Islam. Secara umumnya, bentuk-bentuk perlindungan tersebut boleh dibahagikan kepada dua, iaitu: perlindungan daripada faktor-faktor luaran dan perlindungan daripada faktor-faktor dalaman.

2.1 Perlindungan Daripada Faktor Luaran

Melindungi pengguna daripada faktor luaran bermaksud melindungi mereka daripada penyelewengan yang dilakukan oleh pihak yang ingin mengambil kesempatan di atas kelemahan mereka. Para fuqaha telah menyenaraikan beberapa perbuatan yang dianggap menyeleweng dan diharamkan dalam kontrak meliputi (Müsā 1987):

- a. *Ikrāh* iaitu memaksa dan mengancam orang lain untuk melakukan sesuatu yang dia tidak suka atau tidak reda melakukannya.

- b. *Tadlis* iaitu menyembunyikan kecacatan barang dengan memperlihatkan rupa yang bukan dari hakikat sebenarnya. Dengan kata lain ia berbentuk pemalsuan terhadap maklumat sebenar barang yang diakadkan.
- c. *Khata'* iaitu kesilapan terhadap barang yang diakadkan sama ada pada jenis barang atau sifatnya.
- d. *Ghubn* (penipuan) dan *taghrir* (pengabuan). Penipuan bermaksud perbuatan menipu dengan mengurangkan sukatan atau timbangan pada barang. Manakala pengabuan pula bermaksud perbuatan atau perkataan yang mempengaruhi keputusan pihak lain secara tidak benar untuk melakukan kontrak.

Walau bagaimanapun, faktor-faktor tersebut bukanlah faktor mutlak yang dianggap menyeleweng dan membatalkan kontrak. Ia hanya dianggap curang dan mencacatkan kontrak jika berlaku dalam kadar yang serius. Para fuqaha mengkategorikan pula perbuatan-perbuatan menyeleweng tersebut kepada dua tahap, iaitu *fāhish* iaitu serius dan *yasir* iaitu sedikit. *Fāhish* atau penyelewengan yang serius dalam kontrak jualbeli ialah sebarang jenis penyelewengan, sama ada berbentuk paksaan, pemalsuan, kesilapan, penipuan dan sebagainya, yang tidak dapat diterima oleh seseorang yang mempunyai pengetahuan dalam penilaian barang tersebut (al-Zuhaylī 1989).³ Manakala penyelewengan *yasir* atau kecil pula bermaksud penyelewengan yang sedikit serta boleh ditoleransi dalam amalan pasaran. Lazimnya, penyelewengan *yasir* tidak disengajakan atau tidak dimaksudkan oleh pihak yang melakukannya. Ia sukar dielakkan daripada pasaran dan saiznya adalah kecil serta boleh ditoleransikan antara pihak-pihak yang berakad (al-Zuhaylī 1989).

Dua bentuk hukuman boleh dikenakan terhadap penyelewengan *fāhish* iaitu: batal dan boleh batal. Batal menurut jumhur fuqaha bermaksud kontrak yang tidak terbentuk atau tidak sah. Manakala boleh batal merujuk kepada akad yang telah terbentuk, tetapi boleh dibubarkan dengan pilihan pihak tertentu. Pembahagian seperti ini mempunyai persamaan dengan pembahagian yang dibuat dalam undang-undang kontrak moden yang membahagikan bentuk kontrak tidak sah kepada batal dan boleh batal. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan maksud boleh batal antara undang-undang kontrak moden dengan undang-undang kontrak Islam.

Boleh batal dalam undang-undang kontrak moden bermaksud kontrak yang terdapat elemen-elemen tertentu yang mencacatkan kerelaan bebas sehingga memberikan hak kepada pihak lain untuk

membatalkannya setelah ia sah. Dalam undang-undang kontrak Islam pula, boleh batal hanya merujuk kepada akad yang diberi hak-hak tertentu kepada satu pihak untuk sama ada membatalkannya atau meneruskannya, iaitu hak *khiyār*. Sebaliknya kewujudan elemen-elemen yang mencacatkan kerelaan bebas menjadikan akad tersebut batal atau *fāsid*. Akad yang *fāsid* diperintahkan supaya dibatalkan. Ia bukanlah boleh batal dengan sebab pilihan pihak berakad, tetapi diperintah oleh syarak kepada pihak berakad untuk membatalkannya. Dengan itu akad *fāsid* tidak dikatakan sebagai akad boleh batal sepetimana yang difahami dalam undang-undang kontrak moden, tetapi merupakan akad batal dalam undang-undang kontrak Islam.

2.2 Perlindungan Daripada Faktor Dalaman

Perlindungan daripada faktor dalaman bermaksud dan bertujuan melindungi pihak yang berakad daripada kelemahan dalaman yang terdapat pada diri mereka sendiri. Terdapat beberapa faktor yang telah dibincangkan oleh fuqaha, yang menjadi pra syarat kepada pihak berakad bagi membolehkan mereka melakukan akad. Dengan kata lain, ketiadaan pra syarat tersebut akan menghalang mereka daripada melakukan akad. Faktor-faktor tersebut dapat diringkaskan dalam dua syarat umum iaitu:

- a. Berkelayakan (*Ahliyyah*).
- b. Orang yang berbeza.

2.2.1 Berkelayakan (*Ahliyyah*) Pihak Berakad

Maksud berkelayakan (*ahliyyah*) dalam undang-undang kontrak Islam boleh dilihat secara berasingan mengikut jenisnya, iaitu kelayakan menyertai akad (*ahliyyah al-wujūb*) dan kelayakan melakukan akad (*ahliyyah al-adā'*).

Ahliyyah al-wujūb didefinisikan sebagai kelayakan atau kesesuaian seseorang untuk mensabitkan atau disabitkan hak (Zaydān 1999). Dengan kata lain, ia lebih menekankan kepada kesesuaian dan kelayakan seseorang menyertai akad. Manakala *ahliyyah al-adā'* didefinisikan sebagai kelayakan yang membolehkan seseorang melakukan perbuatan atau melahirkan perkataan yang boleh membawa kesan hukum dalam akad (Mūsā 1987). Kewujudan kedua-dua jenis kelayakan (*ahliyyah*) ini boleh berlaku sama ada dalam bentuk sempurna (*ahliyyah kāmilah*) dan tidak sempurna (*ahliyyah nāqīṣah*). Kelayakan yang sempurna akan melayakkkan seseorang untuk

melakukan akad secara bebas, manakala kelayakan yang tidak sempurna akan menghadkan jenis-jenis akad dan syarat-syarat tertentu yang boleh dan tidak boleh dilakukan oleh seseorang.

Pengukuran kesempurnaan dan ketidak sempurnaan sesuatu kelayakan berkait rapat dengan peringkat umur dan kematangan seseorang. Para fuqaha membahagikan peringkat umur berdasarkan kematangan kepada lima peringkat, iaitu: *janīn*, bayi, *mumayyiz*, *bāligh* dan *rushd* (Zaydān 1999). Setiap peringkat tersebut menggambarkan kelayakan-kelayakan akad yang berbeza yang terdapat pada diri seseorang di peringkat umur tertentu. Semakin kecil atau rendah umur serta kematangan seseorang, maka semakin tinggi tahap perlindungan yang diberikan kepadanya.

Contohnya, *janīn* iaitu peringkat yang paling lemah dari segi kewujudannya, telah diberikan perlindungan besar. *Janīn* hanya diberikan hak untuk menerima dalam akad yang tidak memerlukan kepada penerimaan segera, seperti akad *mirāth* dan *wasiyyah*. Keterhadan hak ini perlu untuk menjamin kepentingannya selepas dilahirkan. Setelah *janīn* dilahirkan dan menjadi bayi, hak akad yang sedikit luas daripada sebelumnya telah diberikan kepadanya. Bayi boleh menerima dan menanggung hak atau akad yang berkaitan harta dengan diwakilkan (*niyābah*) oleh penjaganya (*wālī*). Peringkat *mumayyiz* pula iaitu peringkat awal pertumbuhan dan perkembangan minda kanak-kanak, syarak mula memberikan sedikit hak berakad secara langsung kepadanya tanpa memerlukan keputusan penjaganya, dengan syarat akad tersebut tidak menggugat kemaslahatan hartanya seperti menerima *hibah* dan *wasiyyah*. Tetapi jika akad tersebut menggugat kepentingan hartanya seperti memberi *hibah* dan *wasiyyah* maka tidak dibenarkan kepadanya bahkan juga kepada penjaganya melakukannya. Manakala akad yang mungkin menggugat dan mungkin juga menguntungkannya seperti akad jualbeli, dibenarkan kanak-kanak *mumayyiz* melakukannya dengan keizinan penjaga (*wālī*) terlebih dahulu (al-Samarqandi t.th). Peringkat *bāligh* yang merupakan permulaan kematangan dan peringkat *rushd* yang menggambarkan kesempurnaan kematangan seseorang, telah memberi mereka kebebasan yang sempurna untuk memperoleh dan menanggung hak-hak daripada sesuatu akad tanpa terikat dengan keizinan pihak lain.

Ketidak sempurnaan kelayakan untuk melakukan kontrak turut dipandang serius oleh undang-undang kontrak moden. Ini kerana kontrak merupakan satu perjanjian yang mengikat dengan tanggungjawab dan hak. Justeru, perlu dipastikan pihak yang berakad berupaya memahami tuntutan kontrak tersebut sebelum ia dimeterai.

Sesuatu kontrak yang dilakukan oleh seseorang yang tidak berkelayakan dianggap batal, iaitu tidak terbentuk sama sekali dan tidak mengikat mana-mana pihak dengan tanggungjawab. Malah jika telah berlaku pindah milik sekalipun, pihak pemunya barang berkenaan berhak menuntut semula barang tersebut (Saudah 2000).

Berdasarkan Seksyen 11 Akta Kontrak 1950, terdapat tiga ukuran keupayaan dan kelayakan seseorang untuk berkontrak iaitu:

- a. Dewasa
- b. Berakal sempurna, dan
- c. Bebas daripada halangan perundangan.

Syarat-syarat di atas menepati dengan apa yang telah digariskan oleh fuqaha mengenai asas dan ukuran kelayakan seseorang untuk melakukan akad (*ahliyyah al-adā'*), iaitu: *bāligh*, berakal, bebas memilih dan tidak dihalang (*ghayr mahjūr*) (al-Nawawi 1992).

(a) *Bāligh* dan berakal (*rushd*)

Syarat *bāligh* bertujuan mengukur kelayakan had umur tertentu pihak yang berakad sekaligus melayakkan mereka untuk melakukan akad. Penetapan syarat ini bertujuan menyediakan perlindungan kepada mereka yang di bawah umur dewasa, seperti kanak-kanak yang melakukan akad dalam keadaan tidak mengetahui risiko dan untung ruginya.

Bāligh dalam Islam merupakan satu peringkat umur selepas peringkat kanak-kanak yang membolehkan seseorang menerima sesuatu *taklif* dan tanggungjawab secara sempurna. Dalam undang-undang kontrak Islam, peringkat-peringkat umur tidak ditentukan secara spesifik sebagaimana undang-undang kontrak moden. Undang-undang moden telah menetapkan umur 18 tahun sebagai umur yang dewasa (Akta Umur Dewasa 1971). Sebaliknya peringkat kedewasaan atau *bāligh* dalam undang-undang kontrak Islam ditentukan berdasarkan faktor tertentu seperti pengalaman mimpi berkaitan seksual bagi lelaki atau keluar darah haid bagi perempuan. Tiada had umur tertentu diletakkan untuk mengukur peringkat ini. Walau bagaimanapun fuqaha Hanafiyyah telah cuba menetapkan had umur maksima bagi seseorang yang boleh dianggap telah mencapai peringkat baligh. Had tersebut ialah 18 tahun bagi lelaki dan 17 tahun bagi perempuan (Ibn al-Qayyim t.th). Ini kerana pada kebiasaannya seseorang telah menjadi sempurna kematangan fizikal dan mentalnya pada umur tersebut.

(b) Berakal (*rushd*)

Bāligh bukanlah satu-satunya mengukur kesempurnaan kelayakan, tetapi ia juga perlulah disertai dengan *rushd* iaitu kematangan akal. Ini kerana kadang-kadang seseorang yang telah mencapai *bāligh* tetapi masih tidak sempurna kematangan akalnya. Justeru sesetengah fuqaha Hanafiyah seperti Ibn ‘Ābidīn (1994a) telah meletakkan kadar umur maksimum bagi peringkat *rushd* iaitu bermula selepas seseorang berumur 25 tahun. Selepas umur tersebut seseorang tidak disebat lagi urusan berkaitan harta kerana memberi hak kepadanya sebagai seorang yang merdeka.

Keperluan memenuhi syarat seperti *rushd* turut diakui dalam undang-undang kontrak moden, kerana asas dalam pembentukan kontrak ialah mewujudkan perjanjian persetujuan atau yang dikatakan sebagai ‘pertemuan minda’ (*consensus ad idem*).⁴ Pihak-pihak yang berakad perlulah memiliki akal yang sempurna bagi menyelaraskan kehendaknya dengan kehendak pihak lain. Justeru, seseorang yang tidak mempunyai keupayaan akal yang sempurna semasa membuat kontrak tidak boleh menjadikan kontrak yang dibuat mengikat di sisi undang-undang kerana ketidakupayaannya memenuhi syarat asas pembentukan kontrak iaitu syarat kewarasan.

Undang-undang kontrak Islam dengan jelas menyenaraikan beberapa faktor yang mencacatkan kematangan berfikir atau *rushd* seperti gila, terencat akal (*ma‘tūh*), pitam, tidur, mabuk dan dungu (*safīh*) yang merupakan gambaran kepada ketidaksempurnaan akal. Perkara-perkara ini telah dijadikan faktor yang menghalang kelayakan (*‘awārid al-ahliyyah*) seseorang daripada melakukan akad (Mūsā 1987). Fuqaha Hanafiyah menjelaskan justifikasi melindungi kewarasan akal pihak yang berakad kerana natijah daripada akad yang dilakukan akan kembali kepada diri pihak berakad (‘Abd al-Barr 1987). Justeru adalah perlu mempastikan pihak yang berakad dalam keadaan yang sempurna akal dan sedar dengan sesuatu kesan akad yang dimasukinya. Dengan itu dia dikatakan reda dengan akad tersebut.

Walau bagaimanapun, Islam tidak menganggap kontrak yang dilakukan oleh mereka yang tidak *bāligh* atau tidak matang (*rushd*) batal secara mutlak. Dalam sesetengah keadaan, kanak-kanak dan orang yang mabuk sah melakukan kontrak dengan syarat-syarat tertentu. Sebagai contoh, kanak-kanak sah berkontrak jika ia tidak membawa kemudarat terhadap hartanya seperti menerima *hibah*. Orang yang mabuk dengan sengaja juga sah kontrak yang dimasukinya

ketika itu. Walau bagaimanapun objektif mengesahkan kontrak yang dilakukan oleh kedua pihak ini berbeza. Kepada kanak-kanak ia bertindak melindungi hak mereka yang lemah manakala kepada mereka yang mabuk dengan sengaja sebagai hukuman di atas kesalahan mereka di mana syarak tidak lagi melindungi hak mereka.

Dalam hal ini, Seksyen 12 Akta Kontrak 1950 hanya melihat secara umum keperluan memiliki akal yang waras ketika melakukan akad. Dibawah seksyen tersebut menjelaskan;

- a. Seseorang adalah dikatakan berakal sempurna untuk maksud kontrak jika, pada masa ia membuat kontrak itu, ia berkeupayaan memahami kontrak yang diperbuatnya dan berkeupayaan membuat pertimbangan yang rasional terhadap kesan atas kepentingannya.
- b. Seseorang yang lazimnya tak berakal sempurna, tetapi sekali sekala berakal sempurna, boleh membuat kontrak bila ia berakal sempurna.
- c. Seseorang yang lazimnya berakal sempurna tetapi sekali sekala tak berakal sempurna, tidak boleh membuat kontrak bila tak berakal sempurna.

(c) Bebas memilih

Para fuqaha telah menekankan perihal penting kebebasan membuat pilihan dalam akad apabila mereka mensyaratkan *ikhtiyār* dan reda. Kedua-dua perkara tersebut merupakan syarat asas dalam sesebuah akad pertukaran. Kebanyakan fuqaha selain fuqaha Hanafiyah mendefinisikan *ikhtiyār* dan reda dengan definisi yang sama iaitu pilihan sukarela oleh pihak yang berakad untuk melakukan akad. Namun fuqaha Hanafiyah membezakan antara *ikhtiyār* dan reda, di mana reda menurut mereka ialah bersetuju dengan kehendak melakukan akad, manakala *ikhtiyār* pula hanya bermaksud kehendak (*qasd*) melakukan akad yang boleh jadi secara sukarela (reda) atau secara terpaksa dan sebagainya (al-Nasafi 1986).

Tujuan utama pensyaratkan perkara tersebut ialah untuk menjamin kebebasan pilihan pihak berakad daripada sebarang gangguan atau pengaruh yang tidak patut seperti *ikrāh*, *ghubn*, *tadlis* dan sebagainya. Ini kerana menjadi lumrah dalam kontrak seperti jualbeli, akibat perbezaan matlamat penjual dan pembeli telah menyebabkan sesetengah pihak mengambil kesempatan ke atas pihak lain yang lemah. Justeru undang-undang kontrak Islam telah menetapkan beberapa syarat tertentu seperti syarat-syarat berkaitan dengan *ijāb* dan

qabūl yang bertujuan melindungi keredaan dan pilihan pihak yang lemah.

(d) Bebas daripada halangan

Syarat bagi melayakkan seseorang berkontrak ialah tidak dihalang menurut mana-mana undang-undang yang mana ia tertakluk. Halangan-halangan tersebut berupa sekatan perundangan ke atas seseorang daripada melakukan sesuatu akad oleh sebab-sebab tertentu, sama ada untuk kepentingan dirinya seperti penahanan ke atas kanak-kanak dan orang gila atau penahanan untuk kepentingan orang lain yang berurusan dengannya seperti penahanan ke atas orang yang maflis, penggadai, sakit tenat dan sebagainya (Hammād 1993). Penahanan atau halangan secara perundangan ini dikenali dalam undang-undang kontrak Islam sebagai *hajr*, iaitu halangan kepada individu tertentu daripada melakukan sesuatu tindakan atau urusan berkaitan harta untuk kebaikan dirinya sendiri atau kebaikan orang lain (al-Nawawī t.th). Objektif utama pelaksanaan *al-hajr* ialah melindungi kemaslahatan dan kesentosaan manusia sendiri.

2.2.2 Orang Yang Berbeza

Syarat kedua yang bertindak melindungi pihak-pihak yang berakad secara dalaman dalam undang-undang kontrak Islam ialah syarat peserta akad seperti penjual dan pembeli, mestilah merupakan dua pihak yang berlainan. Dengan kata lain, pembeli bukanlah dalam masa yang sama merupakan penjual atau penjual bukanlah dalam masa yang sama merupakan pembeli. Terdapat keperluan membezakan kedua-dua belah pihak tersebut dari segi perorangan dan peranan dalam sesebuah kontrak.

Dari segi perorangan, keperluan membezakan mereka bagi dapat mengelak daripada terjadinya kontrak seseorang dengan dirinya sendiri yang tidak dapat diterima oleh Islam dan juga undang-undang kontrak. Para fuqaha dan ahli perundangan mencantohkan kontrak seseorang dengan dirinya sendiri dengan dua contoh iaitu:

- a. seseorang dalam masa yang sama dan untuk barang yang sama, menjadi penjual dan pembeli, atau menjadi wakil kepada kedua belah pihak tersebut iaitu penjual dan pembeli; atau
- b. Penjual yang merupakan prinsipal (*asil*) kepada akad dan dalam masa yang sama turut menjadi agen (*wakil*) kepada pihak pembeli dalam kontrak tersebut (al-Khinn 1996; al-Sanhūrī t.th).

Sesebuah akad yang dilakukan oleh orang yang sama untuk dirinya sendiri seperti dalam contoh (i) atau (ii) di atas tidak boleh terbentuk dan tidak dianggap sah dalam undang-undang kontrak Islam.

Dari segi peranan, penetapan syarat ini ternyata dapat melindungi kepentingan pihak berakad yang berbeza. Dalam sesebuah kontrak pertukaran seperti kontrak jualbeli, kepentingan penjual dan pembeli sememangnya berbeza. Penjual inginkan harga jualan yang maksimum, manakala pembeli pula inginkan harga belian yang minimum. Perbezaan peranan ini membolehkan mereka berusaha memelihara dan memastikan pencapaian kehendak masing-masing daripada sesebuah akad yang dilakukan. Apabila kehendak tersebut tidak dicapai melalui akad, mereka boleh mengambil tindakan tertentu untuk memastikan kepentingan mereka terlaksana dalam akad tersebut.

Sebaliknya, jika peserta akad iaitu pembuat tawaran dan penerima tawaran adalah orang yang sama, tidak mungkin boleh menjamin kepentingan yang berbeza antara dua pihak tersebut, sama ada dari segi lojik atau praktik. Dari segi lojik, menjadikan orang yang sama menawar dan menerima dalam akad adalah bercanggah dengan ciri akad yang menekankan ‘persetujuan kehendak dua pihak’ (Sakina 2003).⁵ Adalah mustahil dari segi lojik, dua kehendak yang berbeza lahir daripada seorang yang sama pada satu masa, atau dua kehendak yang berbeza dapat diputuskan oleh seorang yang berakad mewakili dua belah pihak tanpa mengorbankan kehendak pihak lain. Dalam contoh jualbeli, tidak mungkin seorang ingin membeli barang yang dalam miliknya atau menjual barang yang dalam miliknya kepada dirinya sendiri. Begitu juga adalah mustahil memenuhi kepentingan penjual yang ingin harga jualan yang tinggi tanpa mengorbankan kepentingan pembeli yang inginkan harga belian yang rendah.

Dari segi praktik, akad berperanan menyelaraskan kepentingan yang berbeza antara dua pihak. Perbezaan kepentingan ini lahir akibat usaha dan harapan masing-masing untuk memenuhi kehendaknya. Usaha dan harapan pula tidak akan wujud pada seorang yang memikul dua peranan dalam akad iaitu sebagai pemberi tawaran dan penerima tawaran pada waktu yang sama. Contoh ini dapat dilihat dalam dua situasi iaitu: (i) seseorang yang merupakan prinsipal kepada dirinya dan menjadi agen kepada pihak lain dalam sesebuah akad (ii) seseorang yang menjadi agen kepada kedua belah pihak iaitu penjual dan pembeli dalam sesebuah akad. Dalam contoh (i), tidak berlaku sebarang usaha kerana bagaimana seseorang yang menjadi wakil kepada penjual dan dalam masa yang sama menjadi pembeli untuk

dirinya, mampu menyerah (menjual) dan menerima (membeli) barang tersebut untuk dirinya. Begitu juga tidak wujud sebarang harapan jika berlaku pertelingkahan tentang jualbeli tersebut kerana plaintiff dan defendant adalah orang yang sama. Bahkan lebih bahaya lagi jika keputusannya memihak kepada dirinya dan meminggirkan kepentingan pewakilnya.⁶ Justeru, para fuqaha membatalkan dan tidak menganggap sah jualbeli yang proses *ijāb* dan *qabūl* dilakukan oleh orang yang sama⁷ seperti mana dalam contoh di atas. Dalam contoh (ii), seorang dalam masa yang sama menjadi wakil kepada dua belah pihak dalam kontrak, juga melibatkan pertembungan antara kepentingan penjual dan pembeli yang tidak dapat diputuskan oleh seseorang wakil tanpa mengorbankan kepentingan pihak lain. Begitu juga dalam sesuatu akad, pihak-pihak yang berakad memainkan peranan masing-masing yang berbeza. Pihak penjual berkewajipan menyerahkan barang jualannya dan pihak pembeli menerimanya. Oleh itu, seseorang tidak boleh dibebankan dengan dua kewajipan yang berbeza dalam satu masa (al-Sanhūrī t.th:252).⁸

Perundangan moden yang berkaitan dengan kontrak juga tidak membenarkan akad disempurnakan oleh seorang sahaja yang bertindak menawar dan menerima. Ini kerana antara fungsi akad menurut ahli perundangan ialah mengukuhkan pengharapan yang telah terbentuk daripada suatu perjanjian berkaitan sesuatu pelaksanaan yang jika tidak dipenuhi atau ditunaikan akan memberikan pihak lain menuntut pampasan bagi perlanggarannya (Sakina 2003). Bagi menjadikan harapan semasa berakad ini realistik dan boleh dicapai, maka pihak-pihak yang berakad mestilah orang yang berbeza. Contohnya, A berjanji untuk membina sebuah rumah yang diminta oleh B. B berjanji membayar sejumlah RM 100 ribu kepada A untuk tujuan pembinaan tersebut. Dari contoh ini, B mengharapkan kerja-kerja yang dilakukan oleh A dan A pula mengharapkan kerja-kerjanya akan mendapat bayaran seperti yang dipersetujui dengan B. Jika A dan B adalah orang yang sama, tidak mungkin harapan tersebut boleh dicapai atau dikuatkuasakan dalam akad, kerana tidak mungkin tergambar bagaimana B akan menyaman dirinya sendiri atau A akan membayar gantirugi kepada dirinya sendiri. Justeru adalah perlu orang yang berakad terdiri dari dua orang yang berbeza supaya harapan dan tanggungan dalam berakad dapat direalisasikan.

3. KESIMPULAN

Perlindungan pra akad yang dibincangkan oleh fuqaha terhadap pihak yang berakad dalam jualan barang khususnya terhadap pihak pembeli dan pengguna, menampakkan satu bentuk perlindungan awal yang komprehensif yang meliputi perlindungan dari faktor-faktor luaran dan juga faktor-faktor dalaman pihak berakad. Usaha membimbang diri mereka sendiri daripada melakukan tindakan yang boleh mendatangkan risiko kepada mereka, melalui penetapan hak dan had transaksi tertentu mengikut peringkat umur dan keupayan mereka, serta usaha melindungi mereka daripada pengaruh tak berpatutan yang disebabkan oleh pihak lain dalam akad, ternyata merupakan satu pakej perlindungan yang menyeluruh dalam undang-undang kontrak Islam dan ia telah ditekankan bermula diperingkat seawal pembentukan akad.

Perlindungan seawal pembentukan ini amat penting dan bertepatan dengan objektif pensyiaran hukum syarak yang bertujuan menutup pintu-pintu kemudarat (sad al-dhari^cah) demi melindungi kemaslahatan pihak berakad khususnya pihak yang lemah seperti pembeli dan pengguna dalam kontrak jualan barang. Tuntutan melindungi hak mereka amat besar dalam Islam, kerana mereka adalah kumpulan majoriti dan kebanyakannya mereka pula adalah lemah dari segi pengetahuan tentang barang dan pengetahuan tentang hak-hak mereka sendiri dalam jualan barang. Mereka juga merupakan tulang belakang yang menyokong pertumbuhan ekonomi dalam Negara dan menyumbang keuntungan besar kepada golongan penjual dan pengeluar melalui aktiviti kepenggunaan mereka. Justeru, amatlah wajar mereka diberi perhatian dan perlindungan yang lebih dalam undang-undang.

Nota hujung

1. Contohnya pihak pembekal dan penjual yang membeli sesuatu barang tetapi bukan bertujuan penggunaan sebaliknya bertujuan perniagaan iaitu menjualnya semula di pasaran.
2. Pengguna yang tidak membeli tidak dimaksudkan dalam kajian ini kerana undang-undang kontrak hanya memberikan hak kepada pihak-pihak yang berkontrak sahaja untuk menuntut dan dituntut.
3. Maksud orang yang mempunyai pengetahuan dalam penilaian ialah orang yang mempunyai kepakaran atau pengetahuan tentang harga barang berkenaan (al-Zuhayli 1989).
4. Istilah Latin ini bermaksud “persetujuan atas perkara yang sama”. Persetujuan oleh pihak yang berkontrak kepada syarat yang sama diperlukan untuk menghasilkan kontrak yang sah disisi undang-undang. (Kamus Undang-Undang 2002).

5. Walaupun ciri ini lebih ditekankan dalam undang-undang seperti Akta Kontrak, namun maksud dan matlamatnya adalah menepati perbincangan fuqaha tentang makna akad. Para fuqaha mendefinisikan makna akad sebagai ‘ikatan atau persetujuan ijab dan qabul yang melahirkan kesan-kesan syarak daripadanya’ (Abu Zahrah 1977). Definisi ini menggambarkan bahawa akad ialah persetujuan kehendak dua pihak yang digambarkan melalui persetujuan ijab dan qabul. Oleh itu makna akad pada perbincangan fuqaha dan ahli perundangan mempunyai persamaan dalam menekankan ‘persetujuan kehendak kedua belah pihak’.
6. Sikap wakil kepada penjual akan berusaha menjualkan barang kepada sesiapa yang menawarkan harga yang tertinggi. Sebaliknya, sikap dirinya sebagai pembeli tidak akan membeli kecuali dengan harga yang lebih rendah. Dalam contoh ini akan mewujudkan tanggapan tidak jujur (bias) iaitu prinsipal akan mendahulukan kepentingan dirinya daripada kepentingan pewakilnya. (al-Sadah 1974).
7. Pembatalan ini melibatkan semua jenis akad, kecuali dalam dua keadan tertentu sahaja yang dibenarkan iaitu: (i) wali (bapa) menjual harta anaknya yang masih kecil atau membeli harta anaknya bagi dirinya dan (ii) qadi (penguasa) menjual harta orang yang di bawah jagaannya kepada mereka yang di bawah jagaannya juga atau membeli harta mereka untuk mereka yang lain di bawah jagaannya. Alasan mengharuskan wali dan qadi bertindak sebagai penjual dan pembeli bagi harta orang yang dibawah jagaannya ialah kepercayaan kepada tindakan mereka. Kerana fitrah seorang bapa akan menyayangi anaknya dan tidak akan menipu atau memperdayakan anaknya. Begitu juga seorang qadi adalah bersifat amanah dan tidak mempunyai kepentingan daripada jualbeli harta orang yang dibawah jagaannya. (al-Khin 1996; cAbd al-Barr 1987; al-Kasani 1982).
8. Sesuai dengan kaedah fiqh al-mashghul la yushghal yang bermaksud sesuatu perkara yang sudah dikaitkan dengan sesuatu tidak boleh dikaitkan lagi dengan perkara lain. (al-Suyuti t.th).

Rujukan

- Abū Zahrah, Muhammad. 1977 *al-Milkīyyah wa nazariyyah al-^caqd fi al-shari^cah al-islāmiyyah*. Mesir: Dār al-Fikr.
- ^cAbd al-Barr, Muhammad Zākī. 1987 *al-Mu^cāmalāt al-māliyyah fi al-madhhāb al-hanafī*. Qatar: Dār al-Thaqāfah
- Halimah Ahmad. “Isu-Isu Pengguna Dan Kepentingan Pendidikan Pengguna”. Kertas Kerja *Bengkel Kepimpinan Pengguna*
- Hammād, Nazih. 1993. *Mu^cjam al-mustalahāt al-iqtisādiyyah fi lughah al-fuqahā*’ USA. The International Institute of Islamic Thought.
- Hart. 1964. Law Liberty And Morality The Harry Camp Lecturer’s At Stamford College 1962. Oxford University Press.
- Ibn ‘Ābidīn, Muhammad Amin. 1994a *Hāshiyah radd al-muhtār*. Jil. 4. Kaherah: Matba^cah al-Maymanah.

- Ibn Qudāmā, Ḥāfiẓ Abū Ibrāhīm. 1994b. *Hāshiyah radd al-muhtār*. Jil. 5.
- Ibn Qudāmā, Ḥāfiẓ Abū Ibrāhīm. 1996a. *al-Mughnī*. Jil. 4. Kaherah: Dār al-Hadīth
- Kamus undang-undang bahasa Inggeris– bahasa Melayu. 2002. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd
- Ibn Kāṣānī, Ḥāfiẓ Abū Bakr. 1982. *Badā’iṣ al-sanā’i fī tartīb al-sharā’i*. Jil. 4. Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabi
- al-Khin, Muṭafā et.al. 1996. *al-Fiqh al-manhaji ‘alā madhab al-imām al-shāfi‘i*. Jil. 3. Damsyik: Dār al-Qalam
- Major, WT. 1990. *Undang-undang kontrak*. Kuala Lumpur: International Law Book Services.
- Mohd. Hamdan Adnan. 1990. *Perlindungan pengguna dan amalan perniagaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mūsā, Muhammad. 1987. *al-Amwāl wa nazariyyah al-aqd fi al-fiqh al-islāmī*, t.tp: Dār al-Fikr al-‘Arabi.
- _____. 1985 *al-Fiqh al-islāmī madkhal li dirāsa nizām al-mu‘āmalāt fīh*. Mesir: Maṭābi‘ Dār al-Kitāb al-‘Arabi.
- al-Nawawī, Muhyi al-Dīn. t.th. *al-Majmū‘ sharḥ al-muhadhdhab*. Jil. 14. Beirut: Dār al-Fikr.
- Nurizan Yahaya et.al .2002. (pnyt) *Pengenalan sains pengguna*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Ramsay, Ian. 1989. *Consumer protection, text and material*. London: Weindenfeld and Nicolson.
- al-Sādah, Ḥāfiẓ Abū Mu‘im. 1974. *Nazariyyāt al-aqd fi qawānīn al-bilād al-‘arabiyyah*. Beirut: Dār al-Nahdah al-‘Arabiyyah.
- Sakina Shaikh Ahmad Yusuf et.al. 2003. *Mengenali undang-undang kontrak Malaysia*. Kuala Lumpur: International Law Book Services
- al-Samarqandi, Ḥāfiẓ Abū al-Dīn. t.th. *Tuhfah al-fuqahā’*. Jil. 2. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Sanhūrī, Ḥāfiẓ Abū Razzāq. t.th. *Masādir al-haqq fi al-fiqh al-islāmī*. Jil. 5. Beirut: al-Majma‘ al-‘Ilmi al-‘Arabi al-Islāmī, Manshurāt Muhammad al-Dāyah.
- al-Sarakhsī, Shams al-Dīn. t.th. *al-Mabsūt*. Jil. 19. Beirut: Dār al-Ma‘rifah.
- Saudah Sulaiman. 2000. *Pengenalan undang-undang kontrak dan agensi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Rohani Yahya. 1985. *Konsep asas ekonomi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn. t.th. *al-Ashbāh wa al-naṣa’ir fi qawā‘id wa furūq fiqh al-shāfi‘iyah*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah
- al-Zarqā, Muṭafā. 1998. *al-Madkhal al-fiqhī al-‘āmm*. Damsyik: Dār al-Qalam.
- Zaydān, Abd al-Karīm. 1999. *al-Madkhal lidirāsa al-shari‘ah al-islāmiyyah*. Edisi 16. Beirut: Mu’assasah al-Risālah.
- al-Zayla‘ī, Fakhr al-Dīn. 1315H. *Tabyīn al-haqā‘iq*. Jil. 4. Kaherah: Matba‘ah Bulāq

al-Zuhaylī, Wahbah. 1989. *al-Fiqh al-islāmī wa adillatuh*. Jil. 4. Beirut: Dār al-Fikr.

Dr. Sofian Ahmad
Jabatan Syariah
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM, Bangi, Selangor, Malaysia.